

KPSSU miliki makmal Neptune Bio-Inovasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mei. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) kini memiliki sebuah makmal yang dinamakan Neptune Bio-Inovasi.

Majlis penyerahan makmal tersebut berlangsung di tapak KPSSU di Kampung Sinaut.

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) menyerahkan makmal itu kepada KPSSU yang ditetapkan sebagai makmal kimia.

Pada majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim mewakili KPSSU menerima gambar berbingkai dari Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif LKEB, Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim.

Turut hadir pada majlis tersebut termasuk pegawai-pegawai daripada LKEB dan Neptune Bio-Inovasi.

Neptune Bio-Inovasi, sebuah syarikat dari Australia, adalah salah

satu syarikat yang disokong oleh Skim Insentif Penyelidikan Brunei (BRISc).

BRISc telah dilaksanakan sejak 2012 untuk menggalakkan syarikat tempatan dan antarabangsa menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R & D) di negara ini.

Ketika ini BRISc membentangkan tiga projek penyelidikan dan pembangunan, iaitu dalam vitro pembiakan tumbuhan perubatan untuk

penyediaan perubatan - penanaman, pengekstrakan dan pengeluaran ubat-ubatan herba dari kawasan Borneo untuk ubat-ubatan dan aplikasi makanan, Rennet Halal - Pembangunan rennet halal diperoleh daripada ekstrak tumbuhan yang sesuai untuk dada dan pembuatan yogurt dan fungsi pemakanan - reka bentuk dan membangunkan sistem penghantaran novel bagi produk

makanan tambahan kesihatan. Penyelidikan dibangunkan untuk semua tiga projek menghasilkan produk halal tempatan Brunei Darussalam yang berasaskan ubat-ubatan herba tempatan dan ubat-ubatan yang akan mencipta rangkaian produk kesihatan yang dipercayai dari rantau Borneo.

KPSSU sebagai kerjasama rakan kongsi untuk semua tiga projek telah menyediakan dana untuk membantu pulih kerja-kerja di makmal sedia ada untuk Neptune Bio-Inovasi.

Skop kerja untuk makmal ini penambahan dan pengubahannya ke arah mengurangkan peratus pengangguran di negara ini. Penyelidikan dibangunkan untuk membuat ubat-ubatan herba tempatan dan ubat-ubatan yang akan mencipta rangkaian produk kesihatan yang dipercayai dari rantau Borneo.

Sehingga kini, Neptune Bio-Inovasi telah mengambil pekerja tujuh orang anak tempatan termasuk tiga Ahli Kimia, tiga Juruteknik Makmal dan seorang Pembantu Tadbir.

Beberapa pekerja tempatan dari Neptune Bio-Inovasi telah diberi peluang untuk menjalani latihan di Australia.

Salah satu daripada graduan

tempatan pertama yang dianjurkan ke Australia adalah Harris Jamalluddin pada tahun 2014 dan beliau akan dianjurkan semula ke Australia untuk mengambil latihan lanjut dalam bulan Oktober 2015.

Mengurangkan pengangguran melalui keusahawanan



BENGKEL Keusahawanan anjuran Jawatankuasa ADHOC Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbangan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 Mei. - Dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang keusahawanan, Jawatankuasa ADHOC Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbangan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UNISSA telah menganjurkan Bengkel Keusahawanan sebagai salah satu usaha ke arah mengurangkan peratus pengangguran di negara ini.

Bengkel selama empat hari yang berlangsung di Bilik Persidangan Sekolah Perdagangan, Institut Pendidikan Teknik Brunei, Kementerian Pendidikan dan berakhir pada 28 Mei 2015.

Kepentingan bidang keusahawanan tidak dapat disangkal dan telah

Berita dan Foto : Ihsan Faridah Ibrahim

ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa betah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-11 Majlis Mesyuarat Negara 2015.

"Satu lagi bidang yang penting untuk diberikan perhatian ialah bidang keusahawanan, ia mustahak seimbang dalam makna ia tidak boleh diceburinya oleh segelintir pihak tertentu sahaja tetapi biarlah ramai, keramaian itu menterjemahkan adanya kemajuan. Para usahawan mesti bergerak mengembangkan perniagaan dan industri masing-masing,

Tanpa terhenti setakat tangga pertama sahaja tetapi perlu mendakinya sehingga sampai ke puncak," demikian antara petikan titah baginda semasa merasmikan mesyuarat tersebut.

Oleh yang demikian, bagi menjunjung titah baginda yang amat relevan terutamanya di waktu Negara Brunei Darussalam berhadapan dengan masalah peningkatan pengangguran, Jawatankuasa Ad-Hoc ALUMNI UNISSA bersama Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbangan Kerjaya UNISSA telah mengambil inisiatif mengadakan bengkel bidang keusahawanan dengan membawakan tema 'Usahawan Berteraskan Syariah'.

Pesta Pengguna ASEAN bermula 10 - 14 Jun 2015



TAKLIMAT mengenai Pesta Pengguna disampaikan oleh Events Management Executive, Laurence Garcia.

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Mei. - Lebih 400 petak pameran akan disediakan bagi para pengusaha dari dalam dan luar negara sempena Pesta Pengguna ASEAN.

Pesta Pengguna anjuran D'Sunlit

ramai bermula 10.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali hari Jumaat ditutup sementara dari pukul 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang.

Selain menarikkan berbagai-bagi produk dan perkhidmatan, pesta tersebut akan turut dimeriahkan dengan berbagai-bagi aktiviti termasuk kuiz dan cabutan bertuah.

Sehubungan itu, diadakan taklimat mengenai Pesta Pengguna berkenaan di Pejabat D'Sunlit Sendirian Berhad di Bribi.

Taklimat disampaikan oleh Events Management Executive, Laurence Garcia yang antara lain menerangkan tentang peraturan dan undang-undang Pesta Pengguna selain prosedur semasa majlis perasmian dan maklumat logistik.

Selain disertai oleh pengusaha-pengusaha dari beberapa buah negara ASEAN turut menyertai pada pameran tersebut ialah pameran dari Thailand yang akan memperkenalkan berbagai-bagi barang termasuk kraf tangan, buah-buahan dan ukiran sayur-sayuran.

Pesta Pengguna yang diadakan setiap dua tahun bermula pada tahun 2008.

55 pelajar sekolah ugama terima sijil



PEGAWAI Pengajian Islam Daerah Temburong, Dayang Rosita binti Haji Yaakub menyampaikan sijil kepada penerima Sijil Sekolah-Rendah Ugama Darjah VI bagi Tahun 1434 Hijrah / 2013 Masih.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Sabtu, 26 Mei. - Seramai 55 lepasan beberapa buah sekolah ugama di daerah ini yang telah lulus peperiksaan Sijil Sekolah-Rendah Ugama (SSSRU) Darjah VI bagi Tahun 1434 Hijrah / 2013 Masih menerima sijil masing-masing dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Sekolah Persidangan Arab Temburong, di sini.

Penyerahan sijil-sijil disempurnakan oleh Pegawai Pengajian Islam Daerah Temburong, Dayang Rosita binti Haji Yaakub.

Ketika berucap Dayang Rosita menjelaskan Pejabat Pengajian Islam Dacrahs Temburong scntiasa berusaha ke arah yang diharapkan bagi memastikan pelajar-pelajar Darjah VI akan membawa kejayaan terutama dalam menghadiri peperiksaan SSSRU.

Salah satu usaha yang dilakukan, ujarnya, ialah dengan menubuhkan ahli jawatankuasa Darjah VI melalui Program Thabaqatun Najah yang mana ahli jawatankuasa yang dilantik adalah terdiri daripada guru-guru Darjah VI.

Antara tujuan penubuhan ahli jawatankuasa tersebut, jelasnya, ialah untuk membantu meningkatkan kejayaan peperiksaan SSSRU yang mana dengan pembentukan ahli jawatankuasa ini beliau berharap peratus lulus bagi peperiksaan SSSRU di dacrah ini akan meningkat.

Para penerima SSSRU pada majlis ini adalah terdiri daripada lepasan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Sekolah Ugama Puni, Sekolah Ugama Negalang, Sekolah Ugama Labu Estate dan Sekolah Ugama Piasau-Piasau.

Selain sebagai penghargaan kepada murid-murid yang telah berjaya dalam peperiksaan mereka, majlis seumpama itu juga diadakan sebagai dorongan dan motivasi bagi murid-murid lain khususnya murid-murid Darjah VI yang akan menduduki peperiksaan SSSRU tahun ini.